



SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/01/04 (HQ)

KESELAMATAN ELEKTRIK SAMBIL MERAIKAN TAHUN BARU CINA

- Tidak menjalankan atau melibatkan apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan bahaya berhampiran pepasangan TNB

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menasihatkan orang ramai agar tidak memasang atau menggantung perhiasan perayaan Tahun Baru Cina di kabel dan pepasangannya bagi mengelakkan risiko terkena renjatan elektrik.

"Dalam kegembiraan membuat persediaan meraikan Tahun Tikus mengikut kalendar 'lunar' Cina kali ini, pengguna disarankan agar sentiasa mengutamakan aspek keselamatan elektrik.

"Perbuatan menggantung bahan perhiasan di kabel dan pepasangan elektrik boleh mengundang bahaya kerana individu yang terbabit berisiko terkena renjatan elektrik," kata Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman.

"Ia juga mungkin menyebabkan gangguan bekalan elektrik jika percikan arka (flashover) berlaku. Aktiviti berbahaya ini turut menyalahi peruntukan Seksyen 37, Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447), iaitu mengganggu pepasangan elektrik."

Katanya, TNB akan membuat pemantauan, selain menjalankan operasi menanggalkan bahan hiasan yang diletakkan di pepasangan elektrik jika didapati memberi risiko tinggi kepada orang awam.

"Orang ramai yang melihat sebarang keadaan boleh mengancam keselamatan atau menjelaskan bekalan elektrik, diminta merujuk Facebook TNB Careline atau terus menghubungi TNB Careline di talian 15454 supaya tindakan sewajarnya dapat diambil segera," katanya.

Dalam pada itu, Roslan juga mengingatkan orang ramai supaya menjauhi aktiviti-aktiviti berikut:

1. Bermain mercun serta bunga api berhampiran pepasangan TNB;
2. Membebarkan soket dengan penggunaan wayar penyambung (extension) secara berlebihan;
3. Membuat penyambungan sendiri tanpa mendapatkan khidmat kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST).

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 14 Januari 2020, jam 3.30 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /

Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524

atau emel ke media@tnb.com.my

S.A. 2020/01/04 (HQ)



Caption:

Memasang atau menggantung apa jua perhiasan di kabel dan pepasan TNB boleh menyebabkan gangguan atau renjatan elektrik.